



KONVOKESYEN: Azman menyampaikan skrol Ijazah kepada graduan UMS.

Graduan UMS diingatkan jauhi amalan rasuah: Azman

UB 28.06.2022 P.02

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Graduan perlu menerapkan nilai-nilai yang berkualiti supaya tidak terjerumus ke dalam kancuh rasuah.

Penasihat Kehormat Ambank Group merangkap Pro Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Azman Hashim berkata rasuah hanya merugikan negara dan tidak boleh bertolak ansur terhadap perbuatan tersebut.

“Rasuah sudah menjadi endemik dalam kehidupan dan budaya di Malaysia, malah isu seperti penye- ludupan minyak, manusia

dan pembelian kad pengenalan haram banyak dikaitkan dengan pihak tertentu.

“Terlalu banyak ‘telur busuk’ dalam sesebuah organisasi dan ketika ini banyak kes yang masih menunggu perbicaraan mahkamah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen UMS kali ke-23, di sini, kelmarin.

Menurut Azman, graduan perlu mengambil contoh mantan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew yang berhasil menjadikan kes rasuah terendah di negaranya.

“Banyak impak nega-

tif apabila rasuah dibiarkan berleluasa kerana ia boleh menyebabkan negara jatuh mufis atau mempunyai ket- erhutangan yang melampau seperti berlaku pada negara Venezuela.

“Justeru, saya ingin meng- ingatkan para graduan agar tidak bertoleransi dalam sebarang bentuk penyele- wengan kuasa dan amalan rasuah walau apa juga bidang yang diceburi selepas ini,” katanya.

Pada majlis itu Azman menyampaikan skrol ijazah kepada graduan dari Sidang dua hingga Sidang empat yang berlangsung di Dewan Canselor UMS.